

PM: Kaum Cina jangan terperangkap helah DAP

UM 29 JUN 2001

Oleh ROZAMAN ISMAIL
dan NORZAHIZAN ISMAIL

PULAU PINANG 28 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan rakyat keturunan Cina agar tidak terperangkap dengan percubaan DAP yang te-

rus berusaha menimbulkan kebencian terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi mengembalikan sokongan kaum itu kepada parti tersebut.

Beliau berkata, setelah kalah teruk pada pilihan raya umum 1999, para pemimpin DAP 'memerah otak' untuk mencari jalan

agar orang Cina membenci kerajaan dan kembali memberi undi kepada parti pembangkang itu.

"Apa sahaja yang kerajaan lakukan, yang ada kaitan dengan orang Cina dijadikan isu... termasuklah ucapan yang berupa kecaman saya kepada satu kumpulan Cina yang ekstrem,

isu Sekolah Wawasan, Sekolah Cina Damansara dan terbaharu sekali isu pembelian Nanyang," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Dengan Pemimpin-pemimpin BN

■ Lihat Muka 4

PM: Kaum Cina jangan terperangkap helah DAP

Pulau Pinang di Hotel Equatorial di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, DAP berbuat demikian kerana para pemimpin mereka seperti Lim Kit Siang dan Karpal Singh telah menyaksikan sokongan berterusan kaum Cina kepada kerajaan pada pilihan raya umum dua tahun lalu.

"Mereka mahu orang Cina marah pada saya, pada kerajaan dan pada parti BN.

"Mereka gunakan isu itu untuk tunjukkan bahawa ia berlaku semuanya kerana salah kerajaan dan orang Cina patut benci kepada kerajaan ini," ujar beliau lagi.

Menurut Perdana Menteri lagi, parti pembangkang itu berbuat demikian dengan harapan pada pilihan raya umum 2003/2004 nanti, kaum keturunan Cina di negara ini akan menolak kerajaan dan memberi undi kepada Kit Siang dan Karpal Singh.

Dr. Mahathir turut memberi ingatan yang sama kepada orang-orang Melayu agar tidak terpengaruh dengan Pas yang turut menggunakan cara yang sama bagi menimbulkan kebencian orang Melayu kepada UMNO.

Parti itu, kata Perdana Menteri, menanam bibit-bibit kebencian yang amat sangat terhadap kerajaan dan memulakannya di peringkat tadika lagi dengan harapan mereka membesar dengan perasaan membenci kepada UMNO.

"Parti itu sanggup memanggil para pemimpin kerajaan dengan pelbagai gelaran termasuk panggilan 'anjing' bagi timbulkan kebencian itu agar orang Melayu tidak akan soal apa yang Pas boleh bagi apabila memerintah.

"Mereka meminta orang Melayu bencilah kerajaan... undilah kami, apa yang kami boleh